

Harga sawit lebih rendah beri kesan keuntungan TH Plantations

Oleh [Wartawan BH](#) - Februari 28, 2024 @ 6:32pm
bhbiz@nstp.com.my



KUALA LUMPUR: TH Plantations Bhd (THP) mencatatkan keuntungan selepas cukai RM60.1 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023 berbanding RM87.94 juta tahun lalu berikutan purata harga minyak sawit mentah (MSM), isirong sawit (PK) dan buah tandan segar (BTS) yang lebih rendah, walaupun pengeluaran BTS meningkat 13.21 peratus kepada 787,741 tan daripada 695,824 tan.

Pendapatan kumpulan pula susut 14.66 peratus kepada RM752.03 juta daripada RM881.26 juta walaupun mencatatkan volum jualan BTS yang lebih tinggi.

Bagi suku keempat berakhir 31 Disember 2023, kumpulan mencatatkan pendapatan sebanyak RM216.5 juta, penurunan marginal 1.28 peratus daripada RM219.31 juta berbanding suku yang sama tahun lalu.

Penurunan ini disebabkan oleh pendapatan yang lebih rendah daripada sektor perladangan, volum jualan MSM dan PK yang rendah, walaupun diimbangi oleh volum jualan BTS yang lebih tinggi.

Susulan prestasi itu, THP mengisytiharkan dividen sebanyak 2.00 sen sesaham dengan jumlah bayaran RM17.68 juta, sebagai penghargaan kepada sokongan semua pemegang saham.

Ketua Pegawai Eksekutif TH, Mohamed Zainurin Mohamed Zain, berkata prestasi positif kumpulan sebahagian besarnya disokong oleh kemajuan Pelan Transformasi yang membolehkannya mengharungi landskap operasi perniagaan yang mencabar dengan lebih baik.

"Kumpulan akan melaksanakan Pelan Perniagaan Strategik Lima tahun 2024-2028, 'Al-Falah 22/22' dalam memacu kecemerlangan operasi dan kemampanan perniagaan yang dijangka akan memupuk pertumbuhan dan impak positif, di samping melindungi serta memulihara alam sekitar," katanya dalam satu kenyataan.

Tanpa sebarang keadaan luar jangkaan, kumpulan mengunjurkan harga minyak sawit akan kekal kukuh berikutan kesempitan bekalan dan permintaan pada suku pertama 2024.

Keadaan ini berlaku memandangkan pertumbuhan ekonomi global dijangka lebih perlahan dan kemelesetan yang meluas dalam kalangan ekonomi terkemuka dunia.